

Headline	Selesai pembiayaan semula portfolio RE		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,052		



## Selesai pembiayaan semula portfolio RE

**KUALA LUMPUR** - Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Tenaga Wind Ventures UK Ltd. (Tenaga Wind Ventures) memeterai kemudahan pembiayaan bernilai 120 juta pound (RM652.2 juta) dengan Bayerische Landesbank (BayernLB) di London, United Kingdom (UK).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, kemudahan itu bertujuan untuk membiayai semula 80 peratus kepentingan dalam dua syarikat tenaga boleh diperbaharui (RE) yang didaftarkan di UK iaitu



AZMAN

GVO Wind Limited dan Bluemerang Capital Limited.

Jelasnya, kedua-dua syarikat terbabit telah diambil alih pada 28 Februari lalu.

"Gabungan portfolio dua buah syarikat itu menjadikan Tenaga Wind Ventures sebagai pemilik portfolio tarif galakan (FIT) terbesar di UK," katanya di sini semalam.

Azman berkata, portfolio berkenaan merangkumi 53 turbin angin dengan jumlah kapasiti sebanyak 26.1 megawatt (MW) di England, Scotland dan Wales.

"Langkah itu merupakan pembiayaan semula pengambilalihan

tanpa rekursa luar negara yang pertama dilaksanakan TNB melalui anak syarikat milik penuh kami.

"Ia juga merupakan pembiayaan terbesar di UK bagi portfolio angin FIT berskala sederhana setakat ini," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan penyelesaian langkah pembiayaan semula itu sebagai satu pencapaian besar bagi syarikat utiliti nasional berkenaan.

"Langkah pembiayaan semula ini merupakan langkah penting kepada TNB berikutan kami sentiasa mengembangkan operasi tenaga boleh diperbaharui di bawah Strategi Reimagining Tenaga untuk menempatkan kami sebagai antara peserta utiliti global yang utama menjelang tahun 2025," katanya.